

PROGRAM TAUTAN KASIH

AKTIVITI –AKTIVITI

- Kursus Pendek Penghasilan Bombolini
- Kursus Pendek Felt Kerongsang
- Kursus Pendek Powerpoint Asas
- Kursus Pendek Solekan Harian
- Program Anak Angkat
- Program CSR
- Pameran & Promosi Pengambilan Pelajar
- Senamrobik
- Liga Penalti
- Jelajah Gua Silabur



MS. 6

JELAJAH GUA SILABUR



MS 10

PERHIMPUNAN
BULANAN KKMKG



MS 11

KURSUS PENDEK BULAN
FEBRUARI



Kolej Komuniti Mas Gading



@kkmasgading



@kkmasgading



<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my>



Kolej Komuniti Mas Gading



@kkmasgading



@kkmasgading



<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my>



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

NOR DALILA BINTI ABD RAHMAN

Pengarah

Kolej Komuniti Mas Gading

KETUA PENGARANG

IZAWATI BINTI ENI

Pegawai Penerangan

Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

FOTO & BAHAN

SUZILA FARNI BINTI MOHAMAD IBRAHIM

CHAI CHANG YEAH

LIU TSE HUI

SALIZA GHAZALI

JURIATI ABANG ASA

KAMELIA KAMEL

SUHARYATI SULAIMAN

MOHAMMAD SHUKERI BIN DERAHMAN

PENGEDARAN

MENO PATRICK BAI

MONICA CONNIE WILLIAM MIRROT

BULETIN KKMKG

BULAN FEBRUARI 2020

AKTIVITI – AKTIVITI

- Kursus Pendek Penghasilan Bombolini
- Kursus Pendek Felt Kerongsang
- Kursus Pendek Powerpoint Asas
- Kursus Pendek Solekan Harian
- Program Anak Angkat
- Program CSR
- Pameran & Promosi Pengambilan Pelajar
- Senamrobik
- Liga Penalti
- Jelajah Gua Silabur

PROGRAM TAUTAN KASIH



YB John Ilus ADUN N.23 Bukit Semuja (tengah) menerima cenderahati daripada Pn. Nor Dalila Binti Abd Rahman, Pengarah KKMKG

29 FEBRUARI 2020

Satu program khas yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Mas Gading dengan kerjasama Koperasi Kampung Melayu Tebakang Serian Berhad iaitu Program Tautan Kasih.

Program yang berlangsung di Kampung Melayu Tebakang, Serian telah dirasmikan oleh YB John Ilus ADUN N.23 Bukit Semuja yang turut menjadi penyumbang dana untuk kursus-kursus pendek yang dijalankan pada hari berkenaan.

Kursus-kursus yang dijalankan pada hari berkenaan ialah Penghasilan Bombolini, Kraftangan Felt Kerongsang, Solekan Harian, dan Powerpoint Asas telah disertai oleh hampir 100 orang peserta yang terdiri daripada penduduk kampung berkenaan.

Menurut YB John Ilus, pembangunan kemahiran dan latihan adalah sangat penting dalam sesebuah komuniti kerana dengan adanya kemahiran ini ianya bukan sahaja meningkatkan ekonomi mereka, malah pendapatan isi rumah penduduk bertambah. Program seumpama ini adalah satu usaha murni pihak kolej dalam menyebarkan latihan kemahiran kepada penduduk kampung.

Pendapatan komuniti setempat bukan hanya bergantung dengan kehadiran pelancong ke tempat - tempat menarik yang terdapat di Kampung Melayu Tebakang, tetapi kemahiran dan latihan yang dimiliki oleh penduduk juga penting dalam membentuk ekonomi yang mampan. Salah satunya ialah industri kecil dan sederhana (IKS).



BARISAN TETAMU

Antara jemputan VIP yang hadir memeriahkan majlis.

KURSUS-KURSUS PENDEK SEMPENA PROGRAM TAUTAN KASIH



PENGHASILAN BOMBOLINI

**Tenaga Pengajar :
Puan Saliza Ghazali**



SOLEKAN HARIAN

**Tenaga Pengajar :
Puan Rabia Subat**



POWERPOINT ASAS

**Tenaga Pengajar :
Cik Cynthia Lee Poh Choo**



FELT KERONGSANG

**Tenaga Pengajar :
Puan Lenny Lai Mei Lan**

AKTIVITI – AKTIVITI PROGRAM TAUTAN KASIH



GERAK GEMPUR PROMOSI

Pasukan promosi yang dianggotai oleh pelajar dan pensyarah untuk kemasukan pelajar baharu mengedarkan poster di sekitar Tebedu dan Pekan Serian.



KAUNTER PAMERAN

Kaunter pameran untuk promosi sijil sepenuh masa dan kursus pendek yang ditawarkan oleh KKMKG. Unit Keusahawanan turut mengadakan jualan roti dan bun.



KESUKARELAWAN

Aktiviti kesukarelawan (CSR) oleh para pelajar dan alumni KKMKG seperti mengecat pagar, membersihkan Masjid Darul Takwa Tebakang dan memotong rumput sekitarnya.



SUKAN

Senamrobik yang dikendalikan oleh pelajar dan pertandingan liga penalti yang disertai oleh para belia Kampung Melayu Tebakang

PROGRAM ANAK ANGKAT DAN JELAJAH GUA SILABUR

29 Februari - 1 Mac 2020

Program Anak Angkat antara aktiviti yang dijalankan sempena Program Tautan Kasih di Kampung Melayu Tebakang. Sepuluh keluarga telah menyertai program ini dan para pelajar, alumni dan staf KKMKG antara peserta anak angkat yang terlibat.

Simbolik Penyerahan Anak Angkat telah disampaikan oleh YB John Ilus pada Majlis Perasmian Program Tautan Kasih kepada wakil keluar-keluarga angkat yang terlibat.

Pada sebelah malam diadakan Malam Kebudayaan yang melibatkan para peserta dan keluarga angkat masing-masing.

Bakat seni yang ada pada pelajar dapat ditonjolkan pada malam tersebut di samping mengeratkan silaturrahim bersama keluarga angkat dan penduduk kampung.

Sekaligus, ia mempromosikan Kolej Komuniti Mas Gading kepada masyarakat luar di samping pendedahan kepada para pelajar.



PROGRAM ANAK ANGKAT

Aktiviti Malam Kebudayaan bersama penduduk kampung dan keluarga angkat.

1 Mac 2020

Jelajah Gua Silabur adalah aktiviti terakhir Program Tautan Kasih yang disertai oleh semua peserta Program Anak Angkat dan alumni Kolej Komuniti Mas Gading.

Gua Silabur adalah gua batu kapur yang terletak di dalam Gunung Silabur dan menawarkan tebing menegak. Dari kampung itu, ia adalah satu jam berjalan kaki ke kaki gunung.

Dari kaki gunung, peserta perlu menjelajah separuh jalan yang kira-kira sejam sebelum sampai ke pintu masuk gua di tengah-tengah gunung.

Gua-gua ini telah lama dituai untuk sarang burung berharga dari burung walet setempat. Persatuan tempatan mengendalikannya dan menguruskan gua-gua di sini, di mana pengambilan burung akan berlaku beberapa kali setahun.

Aktiviti sebegini dapat membina daya tahan pelajar-pelajar khususnya dan membentuk jati diri mereka. Pengalaman ini juga adalah sebagai pendedahan kepada para peserta mengenai alam semulajadi yang boleh diterokai.



JELAJAH GUA SILABUR

Perjalanan ke Gua Silabur

AKTIVITI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

7 Februari 2020

Perlawanan Persahabatan Bola Tampar Lelaki antara IPD Bau dan Kolej Komuniti Mas Gading telah berlangsung di Stadium Tertutup Bau.

Kolej Komuniti Mas Gading telah diwakili oleh staf dan pelajar yang bergabung menjadi satu pasukan dalam perlawanan ini.

Perlawanan Persahabatan ini antara lain boleh mengeratkan hubungan antara agensi di Daerah Bau dan memupuk semangat kesukanan.

Program sukan juga merupakan wadah untuk memupuk gaya sihat di kalangan kakitangan walaupun sibuk dengan tugas harian di samping boleh meredakan tekanan kerja seharian.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR LELAKI



LAWATAN AKADEMIK DI KAMPUNG BUDAYA,

7 Februari 2020

Lawatan Akademik pelajar Sijil Teknologi Maklumat Semester 1 di Kampung Budaya, Pantai Damai seramai 13 orang. Lawatan ini adalah anjuran Unit Pengajian Am di bawah kursus Pengajian Malaysia & Communicative English.

Semoga hasil lawatan akademik ini dapat membantu pelajar lebih memahami kepelbagaian masyarakat dalam perpaduan dan mengaplikasikan komunikasi Bahasa Inggeris yang telah dipelajari sebelum ini.

AKTIVITI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



BICARA SANTAI BERSAMA
PENULIS

07 Februari 2020

Program Bicara Santai Bersama Penulis adalah merupakan aktiviti anjuran Unit Perpustakaan Kolej Komuniti Mas Gading yang bertujuan untuk menggiatkan budaya membaca melalui sesi perkongsian ilmu bersama penulis.

Penulis tersebut ialah Puan Izawati Binti Eni dan beliau merupakan Pegawai Penerangan Kolej Komuniti Mas Gading sendiri dan telah menerbitkan dua buah buku yang berjudul 'Baju Kelawar, Bedak Sejuk' dan 'Tepi Kain'.

Program ini diadakan di Perpustakaan Kolej Komuniti Mas Gading telah dihadiri oleh para pelajar dan juga staf kolej.

20 Februari 2020

Program Larian Fit Malaysia Kolej Komuniti Mas Gading yang dianjurkan oleh Unit Sukan dengan kerjasama Unit Pengajian Am dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar telah disertai oleh para pelajar dan staf. Program bermula seawal 7.30 pagi dengan pendaftaran peserta seterusnya dengan senaman ringan dan acara senam-robik.

Larian sejauh 3.63km ini telah dilepaskan oleh Encik Danny Ngumbang Anak Martin Engkujuang, sebagai wakil Pegawai Daerah Bau. Sebanyak 30 medal telah dihadiahkan kepada para pemenang untuk 30 peserta pertama yang menamatkan larian tersebut dan telah disampaikan oleh Pengarah Kolej, Puan Nor Dalila Binti Abd Rahman.

Objektif penganjuran program ini adalah sebagai galakan kepada pembudayaan sukan dan gaya hidup sihat kepada warga kolej. Tujuan lain juga adalah untuk memasyarakatkan sukan agar dapat merealisasikan konsep Malaysia Cergas, Sihat dan Bersatu.



LARIAN FIT MALAYSIA



AKTIVITI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

24 Februari 2020

Jelajah Pendidikan *Project Of Dream Realized* (PRO-DR RoadShow) anjuran TEGAS dirasmikan oleh YB Datuk Amar Hjh Jamilah Binti Hj Anu, Ahli Dewan Undangan Negeri N.3 Tanjung Datu di Dewan Masyarakat Lundu.



PRO-DR ROADSHOW



PRO-DR ROADSHOW

25 Februari 2020

Jelajah Pendidikan *Project of Dream Realized* (PRO-DR Roadshow) anjuran TEGAS bertempat di Hotel Roxy Serian.

Perasmian oleh YB Datuk Dr Jerip Anak Susil, Menteri Muda Pengangkutan Sarawak .

26 Februari 2020

Taklimat tentang Tatacara Penyediaan Deskripsi Tugas dalam Portal HRMIS telah disampaikan oleh Pentadbir Sistem HRMIS KKMKG iaitu En. Bonifes Chuyu Barau. Setiap penjawat awam perlu mengisi sendiri deskripsi Tugas tersebut agar pengurusan dan perancangan sumber manusia serta pembangunan organisasi adalah terancang dan sistematik. Deskripsi Tugas adalah penting agar penempatan pejawat awam adalah bertepatan dengan keperluan jawatan dalam sesebuah organisasi.



TAKLIMAT TATACARA
DESKRIPSI TUGAS

PERHIMPUNAN BULANAN KKMKG

21 Februari 2020

Bersempena dengan Perhimpunan Bulanan KKMKG, Unit Pengajian Am dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar KK Mas Gading telah menganjurkan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dengan menjemput penceramah dari Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar iaitu En Wan Riduan Bin Wan Laila, Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar.



Matlamat kempen ini adalah untuk membudayakan penggunaan pengurangan penggunaan beg plastik di kalangan kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti Mas Gading di dalam usaha salah satu cara untuk menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca daripada pencemaran ekoran penggunaan barangan plastik demi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat.



PEMBACA DOA

Jamal Bin Arjono



PEMBACA IKRAR

Dr. Lewis Liew Teo Piaw



PENCERAMAH

Wan Riduan Bin Wan Laila



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

Yvone Xavera Anak Dady



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

Izawati Binti Eni

KURSUS PENDEK BULAN FEBRUARI



1-2 FEBRUARI 2020

Kursus Pembangunan Produk Dalam Keusahawanan Kursus ini disertai oleh seramai 20 orang usahawan dari Lundu dan Kawasan Tebedu.



15 FEBRUARI 2020

Kursus Melukis Pola Baju Kurung & Skirt Wanita yang dikendalikan oleh Puan Munirah Yahya sebagai tenaga pengajar.



15 FEBRUARI 2020

Kursus Pemasaran Produk dalam keusahawanan bersama dengan peserta bawah Islamic Relief Malaysia (kawasan Tebedu, Bau Dan Lundu).



16 FEBRUARI 2020

Kursus Penjenamaan Produk: Pengenalan MyIPO dan Cap Dagangan yang dikendalikan oleh Dr Lewis Liew Teo Piaw (Pengajar) Mdm Chai (Urusetia).

KURSUS PENDEK FEBRUARI



16 FEBRUARI 2020

Pengendalian Makanan Dan Pendedahan Sijil Halal yang dikendalikan oleh tenaga pengajar luar iaitu Puan Nur Zafirah Binti Mohd Shah.



22 FEBRUARI 2020

Learn English Conversation For Beginners Short Course
Kursus ini dikendalikan oleh Cik Suharyati Binti Sulaiman sebagai tenaga pengajar.



24-25 FEBRUARI

Seramai 10 orang staf Kolej Komuniti Betong yang menyertai Kursus Simen Ferro Kolam Air Terjun yang bertempat di KKMKG.



29 FEB 2020

Kursus Penghasilan Melt & Pour Soap yang dikendalikan oleh Madam Chai Chang Yeah sebagai tenaga pengajar.



Diterbitkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kolej Komuniti Mas Gading
Lot 742-750 Of Parent Lot 726
Bau Town District
94000 Bau, Sarawak
Tel: 082-763730
Faks: 082-763731
kkmg@kkmas.edu.my
<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my/>

Hak Cipta © Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana- mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading, Bau Sarawak.

KOD JALUR / BARCODE

eISSN 2716-5639



9 772716 563001